

Di bawah Bahagian VI Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (1994)
Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor (1995)

Surat Pekeliling Bil. 2/2006 Penetapan Persijilan ISO 9001:2000 Terhadap Kontraktor Gred G7

Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor
(Industri Pembinaan) 1995 – Peraturan 4(1)(f)

1.0 Tujuan

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan persijilan ISO 9001:2000 sebagai satu daripada syarat pendaftaran kontraktor Gred G7 mulai 1 Januari 2009.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Pengamalan Sistem Pengurusan Kualiti yang baik oleh pihak kontraktor akan dapat menjuruskan sektor pembinaan ke arah penghasilan kerja yang lebih berkualiti dan memuaskan pelanggan.
- 2.2 Sistem Pengurusan Kualiti berpandukan Piawai ISO 9001:2000 adalah suatu sistem pengurusan yang diterima pakai dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Persijilan kepada ISO 9001:2000 adalah pengiktirafan bahawa sesuatu syarikat mengamalkan sistem pengurusan yang berkualiti dan diterima di peringkat antarabangsa.
- 2.3 Selaras dengan itu, CIDB akan memastikan Kontraktor Gred G7 mendapat persijilan dan mengamalkan ISO 9001:2000 dalam aktiviti mereka.

3.0 Tatacara Pelaksanaan

- 3.1 Mulai 1 Januari 2009, semua kontraktor Gred G7 hendaklah mempunyai persijilan ISO 9001:2000.
- 3.2 Kontraktor Gred G7 yang kehilangan kelayakan persijilan ISO 9001:2000 akan diberi tempoh **ENAM (6)** bulan untuk mendapat semula kelayakan tersebut.
- 3.3 Kontraktor yang gagal memenuhi kehendak yang dinyatakan pada (3.1) dan (3.2) di atas akan diturunkan ke Gred yang bersesuaian.

1/2

4.0 Tanggungjawab Kontraktor

Kontraktor yang berkenaan adalah diingatkan untuk memperolehi persijilan ISO 9001:2000 daripada mana-mana badan persijilan yang diiktiraf oleh CIDB sebelum 1 Januari 2009.

5.0 Kaedah Memperolehi Persijilan ISO 9001:2000

Pihak kontraktor yang berkenaan boleh memperolehi persijilan ISO 9001:2000 melalui mana-mana kaedah berikut :

- 5.1 Kontraktor boleh mendapatkan persijilan ISO 9001:2000 secara persendirian;
- 5.2 Kontraktor boleh menggunakan khidmat perunding kualiti yang diiktiraf;
- 5.3 Pihak CIDB ada menyediakan Skim DIY ISO 9001 bagi membantu kontraktor-kontraktor mendapatkan persijilan ISO 9001:2000. Permohonan untuk menyertai Skim DIY boleh dibuat di mana-mana pejabat CIDB.

6.0 Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa **serta merta**.

" BINA SEMPURNA "



(DATUK IR. HAMZAH HASAN)
Ketua Eksekutif